

Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Pengajian Lepas Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang

oleh

Nazamud-din Bin Alias
Jabatan Penyelidikan

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui gaya pembelajaran guru pelatih KPLI Maktab Perguruan Batu Lintang. Kajian ini berbentuk tinjauan yang bertujuan untuk mencari maklumat tentang jenis gaya pembelajaran pelatih dan untuk mengetahui sama ada terdapat perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelatih dari pelbagai kumpulan. Instrument yang digunakan dalam kajian ini merupakan Indeks Gaya Pembelajaran paragon yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Kajian ini telah melibatkan 160 orang pelatih KPLI Maktab Perguruan Batu Lintang. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran di kalangan pelatih KPLI. Majoriti gaya pembelajaran pelatih KPLI adalah dalam dimensi ekstrovet, "sensitive", "thinker" dan "judger".

PENDAHULUAN

Gaya pembelajaran merupakan cara bagaimana seseorang itu belajar. Pembelajaran merupakan kebolehan seseorang mengambil maklumat, mengkod dan failkan maklumat tersebut supaya ianya mudah untuk digunakan apabila diperlukan. Gaya pembelajaran tidak berkait dengan kecerdasan atau apakah kemahiran yang telah anda pelajari. Tetapi gaya pembelajaran berkait rapat dengan bagaimana minda kita berkerja dengan berkesan terhadap pembelajaran maklumat baru. Gaya pembelajaran seseorang itu telah wujud dalam diri seseorang sejak dilahirkan.

Tiada gaya pembelajaran yang buruk atau baik. Kejayaan datang dengan penggunaan gaya pembelajaran yang berlainan. Sebenarnya tiada "pendekatan" gaya pembelajaran yang paling sesuai. Semua orang mempunyai gaya tersendiri dalam pembelajaran maklumat baru. Ini bermakna setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Perkara yang paling penting, kita perlu mengenal pasti gaya pembelajaran kita yang sebenarnya.

Beberapa definisi gaya pembelajaran seperti Canfield mendefinisikan gaya pembelajaran sebagai komponen afektif dalam pendidikan yang memotivasi murid-murid untuk belajar. Dunn, Beaudry dan Klavas (1989) pula menyatakan gaya pembelajaran adalah “.....ciri-ciri peribadi yang ditanam secara biologikal dan proses pengembangan di mana akan membuat kaedah pengajaran yang sama digunakan berkesan untuk sesetengah murid dan tidak berkesan untuk murid-murid yang lain,” Manakala (Dunn, 2000) menyatakan gaya pembelajaran adalah bagaimana seseorang itu mula memberi perhatian, memproses dan menyimpan maklumat yang baru dan sukar.

Perhatian yang diberikan kepada gaya pembelajaran adalah juga merupakan perhatian terhadap perbezaan individu dan perbezaan kekuatan individu. Mengenali perbezaan gaya pembelajaran setiap individu bermakna pendidik boleh memikirkan bagaimana mereka dapat menjangar dengan lebih berkesan agar setiap individu dapat belajar dengan berkesan. Manakala, murid yang mengetahui gaya pembelajaran sendiri selalunya oleh aplikasi gaya pembelajaran tersebut dan selalunya akan lebih berjaya dalam pembelajaran.

GAYA PEMBELAJARAN

Gaya pembelajaran merupakan satu bidang yang sering diperdebatkan di kalangan pendidik. Maka berbagai gaya pembelajaran telah diperkenalkan. Antara gaya pembelajaran yang diperkenalkan adalah Gaya Pembelajaran Paragon, Gaya Pembelajaran Kolb, Gaya Pembelajaran Canfield, Gaya pembelajaran Gregorc dan Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn.

Kajian ini akan menggunakan pendekatan Gaya Pembelajaran Paragon. Gaya pembelajaran Paragon membahagikan gaya pembelajaran kepada empat dimensi dikenali sebagai:

- i. Dimensi Ekstrovet – Introvet
- ii. Dimensi “sensate” – Intuitif
- iii. Dimensi “thinker”-”feeler”
- iv. Dimensi “judger”-”perceiver”

Ekstrovet		Introvet	
1	Guna pembelajaran kooperatif dan kerja berkumpulan	1	Membekalkan tugas individu
2	Guna masa menunggu bila soalan diajukan	2	Berjumpa pelatih secara berkala
3	Sediakan ruang masa untuk pergerakan	3	Membekalkan ruangan bertulis untuk pelatih berfikir
4	Ekspresi nilai	4	Refleksi nilai

Intuitives		Sensates	
1	Membekalkan peluang untuk berkeaktiviti	1	Membekalkan aktiviti "hands on"
2	Memberi pelatih "Gambaran Besar" hasil kerja pelatih	2	Memberi arahan yang jelas dan berperingkat
3	Mengguna konsep "attainment" dan strategi penyelesaian masalah	3	Menerangkan aplikasi praktikal terhadap kerja
4	Mengajar secara induktif	4	Elakkan daripada syarahan yang abstrak dan terlampau teoritikal
5	Jangan terlalu mementingkan "details"	5	Hargai hasil kerjapelatih yang berkualiti
Feelers		Thinkers	
1	Tunjukkan perasaan mesra	1	Jangan terlampau bergantung kepada pujian
2	Elakkan konflik di dalam gaya mengajar	2	Beri bukti yang kukuk
3	Masukkan pujian dalam memberi maklumbalas	3	Cuba terima konflik kesihatan secara minimum
4	Elakkan terlampau mengkritik	4	Tekal dalam aplikasi prinsip-prinsip
5	Tunjukkan kegembiraan dan keseronokkan bila ada peluang	5	Jangan takut untuk memberi sedikit kritikal
6	Nilaikan perasaan ke atas kerja-kerja bertulis	6	Manilai logik dalam penulisan
Perceivers		Judgers	
1	Beri ruang terhadap fleksibiliti format tugas	1	Bekalkan garis panduan tugas yang jelas
2	Guna kepelbagaian	2	Sediakan pelatih terhadap perubahan dalam perancangan
3	Sediakan garis panduan penulisan tugas yang lengkap	3	Cuba kekalkan jadual yang telah dipersetujui
4	Gunakan jangkamasa yang anjal untuk menyudahkan tugas	4	Bekalkan sedikit rutin harian
5	Nilai "novelty" dan keterbukaan	5	Nilaikan ketepatan

PERNYATAAN MASALAH

Setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Gaya pembelajaran yang pelbagai mungkin terdapat di dalam diri setiap individu. Setiap pelatih sewajarnya mengetahui gaya pembelajaran mereka, agar mereka dapat belajar dengan lebih cekap dan berkesan. Tetapi adakah pengajaran pensyarah bersesuaian dengan gaya pembelajaran pelatih? Sudah tentu satu kajian diperlukan agar pensyarah sedar akan gaya

pembelajaran pelatih agar gaya pengajaran pensyarah diseduaikan dengan gaya pembelajaran pelatih.

OBJEKTIF

Kajian ini mempunyai 3 objektif kajian seperti berikut:

1. Mengenal pasti jenis pembelajaran guru-guru pelatih Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Maktab Perguruan Batu Lintang
2. Mengenal pasti gaya pembelajaran pelatih mengikut kursus yang diikuti.
3. Mengenal pasti gaya pembelajaran berdasarkan jantina, bangsa dan kursus yang diambil oleh guru-guru pelatih

METODOLOGI

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelatih KPLI Maktab Perguruan Batu Lintang. Ini dapat dilakukan dengan mendapatkan respon guru-guru pelatih terhadap gaya pembelajaran. Kaedah yang dianggap sesuai ialah kaedah tinjauan. Banyak kelebihan telah dikenal pasti mengenai kaedah kajian tinjauan oleh ramai penyelidik. Rekabentuk kajian yang akan digunakan di dalam kajian ini ialah rekabentuk kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik.

3.2 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi kajian ini ialah guru-guru pelatih KPLI (Rendah dan Menengah) Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching, Sarawak ialah seramai 203 orang. Jumlah sampel adalah 160 orang. Kumpulan KPLI yang menjadi sampel adalah seperti berikut:

3.3 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini menggunakan instrument soal selidik yang telah diterjemahkan daripada instrumen Inventori Gaya Pembelajaran Paragon.

Soal selidik dalam kajian ini akan dikenali sebagai "Soal selidik Gaya Pembelajaran Paragon". Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian A, terdiri daripada maklumat demografi responden seperti nama, jantina, bangsa dan kumpulan kursus yang diikuti.

Pecahan bahagian dalam soal selidik ini adalah seperti berikut:

Bahagian	Ukuran	Jumlah Item
Bahagian B	<i>Dimensi Extrovert-Introvert</i>	12
Bahagian C	<i>Dimensi "sensate"-Intuitif</i>	12
Bahagian D	<i>Dimensi "thinker"- "feeler"</i>	12
Bahagian E	<i>Dimensi "judger"- "perceiver"</i>	12

3.4 PROSEDUR DATA ANALISIS

Data yang diperolehi dianalisis berpandukan objektif yang dibina dengan menggunakan pakej program SPSS 11.0 untuk Windows 2000.

3.4.1 Statistik

Analisis deskriptif digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh berkaitan status latar belakang responden kajian. Statistik deskriptif yang digunakan ialah seperti min, sisihan piawai, peratus dan kekerapan.

DAPATAN KAJIAN

4.1 Latar belakang responden

4.1.1 Taburan responden mengikut jantina dan bangsa

Jadual 1 menunjukkan bahawa jumlah guru pelatih bangsa melayu adalah yang tertinggi dengan 81 orang guru pelatih diikuti dengan bangsa Bumiputera Sarawak seramai 44 orang dan bangsa Cina dengan 34 orang. Manakala jumlah guru pelatih perempuan adalah yang tertinggi dengan 91 orang dan jumlah guru pelatih lelaki adalah 68 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sampel kajian adalah 159 orang guru pelatih.

Jadual 1. Taburan Mengikut Bangsa Dan Jantina

		BANGSA			Jumlah
		Melayu	Cina	Bumiputera Sarawak	
JANTINA	Lelaki	40	11	17	68
	Perempuan	41	23	27	91
Jumlah		81	34	44	159

4.2 Dimensi gaya pembelajaran

4.2.1 Gaya pembelajaran dimensi Ekstrovet – Introvet

Jadual 2 menunjukkan majoriti kumpulan guru pelatih menunjukkan gaya pembelajaran ekstrovet. Peratus guru pelatih yang mempunyai gaya pembelajaran ekstrovet yang melebihi 80% adalah dari kumpulan KPLI(M)Moral dan KPLI(R)Pengajian Islam masing-masing dengan 83.3% dan 88.2%. 72.2% guru pelatih KPLI(R)Kemahiran Hidup mempunyai gaya pembelajaran ekstrovet, Peratus guru pelatih yang mempunyai gaya pembelajaran ekstrovet sebanyak 60%-69% adalah KPLI(M)Pendidikan Inggeris, KPLI(M)Matematik, KPLI(R)Matematik dan KPLI(R)Sains. Dapatan juga menunjukkan bahawa guru pelatih KPLI(R)Pengajian Cina dan KPLI(R)Pendidikan Inggeris mempunyai jumlah guru pelatih dengan gaya pembelajaran ekstrovet dan introvet yang hampir sama dengan 53.3% dan 50.0% masing-masing. Lebih ramai (53.3%)guru pelatih KPLI(M)Kimia mempunyai gaya pembelajaran introvet.

Jadual 2. Dimensi Ekstrovert – Introvert Berdasarkan Kumpulan

KUMPULAN	DIMENSI				JUMLAH
	Ekstrovet		Introvet		
	n	%	n	%	
KPLI(M)Moral	15	83.3	3	16.67	18
KPLI(M)Kimia	7	46.7	8	53.3	15
KPLI(M)Pendidikan Inggeris	9	69.2	4	30.8	13
KPLI(M)Matematik	9	64.3	5	35.7	14
KPLI(R) Pengajian Islam	15	88.2	2	11.8	17
KPLI(R)Pengajian Cina	9	50.0	9	50.0	18
KPLI(R)Matematik	11	68.8	5	31.3	16
KPLI(R)Kemahiran Hidup	13	72.2	5	27.8	18
KPLI(R)Pendidikan Inggeris	8	53.3	7	46.7	15
KPLI(R)Sains	10	62.5	6	37.5	16
JUMLAH	106		54		160

4.2.2 Gaya Pembelajaran dimensi “Sensate” – Intuitif

Jadual 3 menunjukkan majoriti guru pelatih dari semua kumpulan pengajian mempunyai gaya pembelajaran “sensate”.

Jadual 3. Dimensi “Sensate”-Intuitif Berdasarkan Kumpulan

KUMPULAN	DIMENSI				JUMLAH
	“Sensate”		Intuitif		
	n	%	n	%	
KPLI(M)Moral	16	88.9	2	11.1	18
KPLI(M)Kimia	12	88.0	3	20.0	15
KPLI(M)Pendidikan Inggeris	11	84.6	2	15.4	13
KPLI(M)Matematik	13	92.9	1	7.1	14
KPLI(R) Pengajian Islam	16	94.1	1	5.9	17
KPLI(R)Pengajian Cina	17	94.4	1	5.6	18
KPLI(R)Matematik	15	93.8	1	6.3	16
KPLI(R)Kemahiran Hidup	16	88.9	2	11.1	18
KPLI(R)Pendidikan Inggeris	12	80.0	3	20.0	15
KPLI(R)Sains	15	93.8	1	6.3	16
JUMLAH	143		17		160

4.2.3 Gaya Pembelajaran dimensi “Thinker” – “Feeler”

Jadual 4 menunjukkan majoriti guru pelatih dari semua kumpulan pengajian mempunyai gaya pembelajaran “thinker”.

Jadual 4. Dimensi “Thinker”-”Feeler” Berdasarkan Kumpulan

KUMPULAN	DIMENSI				JUMLAH
	“Thinker”		“Feeler”		
	n	%	n	%	
KPLI(M)Moral	16	88.9	2	11.1	18
KPLI(M)Kimia	11	73.3	4	26.7	15
KPLI(M)Pendidikan Inggeris	11	84.6	2	15.4	13
KPLI(M)Matematik	11	78.6	3	21.4	14
KPLI(R) Pengajian Islam	12	70.6	5	29.4	17
KPLI(R)Pengajian Cina	18	100.0	0	0.0	18
KPLI(R)Matematik	15	93.8	1	6.3	16
KPLI(R)Kemahiran Hidup	14	77.8	4	22.2	18
KPLI(R)Pendidikan Inggeris	11	73.3	4	26.7	15
KPLI(R)Sains	13	81.3	3	18.7	16
JUMLAH	132		28		160

4.2.4 Gaya Pembelajaran dimensi “Judger” – “Perceiver”

Jadual 5 menunjukkan kumpulan guru pelatih yang mempunyai dimensi gaya pembelajaran “judger” adalah KPLI(M)Kimia (73.3%), KPLI(M)Pendidikan Inggeris (92.3%), KPLI(M)Matematik (71.4%), KPLI(R)Pengajian Islam (58.8%), KPLI(R)Matematik (75.0%), KPLI(R)Kemahiran Hidup (66.7%), KPLI(R)Pendidikan Inggeris (80.0%). Manakala dua kumpulan guru pelatih mempunyai dimensi gaya pembelajaran “judger”-”perceiver” yang seimbang , iaitu 50%. Manakala guru pelatih kumpulan KPLI(R)Pengajian Cina 61.1% pelatihnya mempunyai dimensi gaya pembelajaran “perceiver”.

Jadual 5. Dimensi “Judger”-”Perceiver” Berdasarkan Kumpulan

KUMPULAN	DIMENSI				JUMLAH
	“Judger”		“Perceiver”		
	n	%	n	%	
KPLI(M)Moral	9	50.0	9	50.0	18
KPLI(M)Kimia	11	73.3	4	26.7	15
KPLI(M)Pendidikan Inggeris	12	92.3	1	7.7	13
KPLI(M)Matematik	10	71.4	4	28.6	14
KPLI(R) Pengajian Islam	10	58.8	7	41.2	17
KPLI(R)Pengajian Cina	7	38.9	11	61.1	18
KPLI(R)Matematik	12	75.0	4	25.0	16
KPLI(R)Kemahiran Hidup	12	66.7	6	33.3	18
KPLI(R)Pendidikan Inggeris	12	80.0	3	20.0	15
KPLI(R)Sains	8	50.0	8	50.0	16
JUMLAH	103		57		160

4.2.5 Dimensi gaya pembelajaran berdasarkan bangsa

Jadual 7 menunjukkan majoriti guru-guru pelatih berbangsa melayu, cina dan bumiputera sarawak mempunyai dimensi gaya pembelajaran ekstrovet, “sensate”, “thinker” dan “judger”.

Jadual 7. Dimensi Gaya Pembelajaran Berdasarkan Bangsa

Dimensi	Bangsa			Jumlah
	Melayu	Cina	Bumiputera Sarawak	
EKSTROVERT	56	21	29	105
INTROVERT	25	13	15	54
“SENSATE”	74	31	37	142
INTUITIF	7	3	7	17
“THINKER”	63	31	37	131
“FEELER”	18	3	7	28
“JUDGER”	52	20	31	103
“PERCEIVER”	29	14	13	56

4.2.6 Dimensi gaya pembelajaran berdasarkan jantina

Jadual 8 menunjukkan majoriti guru-guru pelatih lelaki dan perempuan mempunyai dimensi gaya pembelajaran ekstrovet, “sensate”, “thinker” dan “judger”.

Jadual 8. Gaya Pembelajaran Dimensi Ekstrovet-Introvet Berdasarkan Jantina

Dimensi	Jantina		Jumlah
	Lelaki	Perempuan	
EKSTROVERT	51	55	106
INTROVERT	18	36	54
“SENSATE”	60	83	143
INTUITIF	9	8	17
“THINKER”	57	75	132
“FEELER”	12	16	28
“JUDGER”	43	60	103
“PERCEIVER”	26	31	57

PERBINCANGAN

Majoriti guru pelatih KPLI(M)Moral dan KPLI(R)Pengajian Islam mempunyai gaya pembelajaran dimensi ekstrovet. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih KPLI(M)Moral dan KPLI(R)Pengajian Islam memerlukan jenis pengajaran yang berdasarkan kepada belajar sesuatu dengan melakukannya. Ini menunjukkan amali sangat penting dengan gaya pembelajaran ekstrovet. Gaya pembelajaran ekstrovet juga menunjukkan guru-guru pelatih KPLI(M)Moral dan KPLI(R)Pengajian Islam mudah bergaul dan mempunyai keyakinan dari segi sosial. Guru pelatih (72.2%) KPLI(R)Kemahiran Hidup mempunyai gaya pembelajaran ekstrovet. Ini menunjukkan bahawa kursus

KPLI(M)Moral, KPLI(R)Kemahiran Hidup dan KPLI(R)Pengajian Islam perlu gaya pengajaran oleh pensyarah secara ekstrovet. Manakala untuk kursus yang lain, guru-guru pelatih memerlukan gaya pengajaran secara gabungan ekstrovet dan introvet.

Majoriti guru pelatih dari kesemua kursus mempunyai gaya pembelajaran "sensate" dan "thinker". Ini menunjukkan guru-guru pelatih KPLI memerlukan gaya pengajaran yang bersifat realiti dan praktikal, berminat dengan idea-idea yang mempersonakan dan membuat keputusan berdasarkan pemikiran rasional.

Dapatan menunjukkan guru pelatih KPLI menengah dan rendah Pengajian Inggeris mempunyai gaya pembelajaran "judger". Ini menunjukkan mereka suka gaya pembelajaran yang berkaitan dengan aktiviti yang terancang dan dijadualkan, suka kepada pengajaran yang telah terdapat pendapat tersendiri juga gemar kepada peraturan dan organisasi. Manakala dapatan juga menunjukkan majoriti pelatih lelaki dan perempuan dan berbangsa Melayu, Cina dan Bumiputera Sarawak mempunyai gaya pembelajaran ekstrovet, "sensate", "thinker" dan "judger". Ini menunjukkan bahawa pengajaran secara ekstrovet, sensate, thinker dan judger sangat penting agar semua pelatih dapat belajar dengan berkesan. Walau bagaimanapun, gaya pembelajaran introvet, intuitif, "feeler" dan "perceiver" juga perlu digunakan. Ini penting untuk pelatih yang mengamalkan gaya pembelajaran ini.

RUMUSAN

Gaya pembelajaran pelatih KPLI Maktab Perguruan Batu Lintang secara majoritinya berasaskan dimensi ekstrovet, sensate, thinker dan judger. Maka gaya pengajaran pensyarah perlu pelbagai supaya semua pelatih dapat belajar dengan berkesan.

Kajian lanjutan berkaitan dengan gaya pengajaran pensyarah dan gaya pembelajaran pelatih dan kaitan dengan pencapaian pelatih adalah dicadangkan. Ini akan dapat membantu pelatih dan pensyarah mencapai titik pertemuan yang memungkinkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dicapai.

RUJUKAN

- Church, S. (2004), Learning Style. Atas talian: <http://www.teresadybviq.com/learnsty.htm> (tarikh: 14 Jun 2005)
- Isemonger, I and Sheppard, C. (2003). Learning Style. *RELC Journal*. 34 (2)
- Suskie, L. (2002). Theories and Instrument for Identifying Student Learning Styles. Atas talian : <http://townson.edu/iact/teaching/SuskieLearningStyleTheoreticalandInstrument.doc>–25 Jun 2005
- Claxton, C. S. and Murrell, P. H. (2003). Learning Style. Atas talian: <http://www.ntlf.com/html/lib/88dig.htm> (tarikh: 14 Jun 2005)